

TREK LASAK, HATI TENANG

Sarawak tawar laluan pendakian yang bukan hanya mencabar, malah penuh ketenangan, keindahan asli

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Destinasi pendakian di Sarawak kurang ditonjolkan, namun hakikatnya memiliki trek atau lokasi 'hidden gem' bagi penggemar aktiviti ekstrem itu.

Menurut penggiat sukan pendakian gunung yang juga anak tempatan Sarawak, Rosa Anak Taip, 45, Bumi Kenyalang itu memiliki keistimewaan trek pendakian unik menerusi keindahan air terjun dan akses pedalaman yang mencabar.

"Sarawak bukan popular sebagai destinasi pilihan untuk pendaki tegar seperti Sabah yang ada Gunung Kinabalu atau Gunung Tahan di Pahang.

"Namun, destinasi pendakian di sini ini ada kekuatan tersendiri yang mampu menjadi daya penarik untuk pendaki menawanannya.

"Keindahan panorama kabus dan air terjun antara penceritaan indah yang boleh 'dikejar' penggiat aktiviti lasak yang mengunjungi Sarawak," katanya.

Tambah Rosa lagi, pemandangan menyusuri laluan pendakian tidak ubah seperti kisah pengembaraan tersohor Hollywood, Indiana Jones selain menonjolkan keindahan hutan di Malaysia.

"Cabaran untuk pendakian mungkin tidak sesukar Gunung Kinabalu,

tetapi dari segi tarikan dimiliki tidak kurang hebatnya.

"Saya boleh katakan kalau pendaki mahu melakukan pendakian, cabarannya sudah dirasai di awal untuk masuk ke kawasan pendakian.

"Kalau lokasi gunung lain boleh sampai dengan kenderaan atau berjalan bermula di kaki gunung, di Sarawak tidak sama.

"Destinasi pendakian seperti gunung batu kapur di Mulu, mereka perlu naik pesawat ringan dan mudik dengan perahu untuk sampai.

"Itu sudah mengambil masa dan tenaga sebelum boleh meneruskan aktiviti mendaki di Gunung Mulu," katanya.

Kata wanita lasak itu lagi, Gunung Mulu meskipun tidak terlalu tinggi seperti G7 (tujuh gunung tertinggi di Malaysia), trek dan laluan ke puncak tidak boleh diperkecilkan.

"Gunung Mulu, keterujaan sebagai pendaki tentu sahaja keindahan ketika mendaki Pinnacles iaitu formasi batu kapur yang tajam terutama di Gunung Api, selain menjelajah Puncak Mulu dan menerokai ratusan gua termasuk di sepanjang pendakian.

"Ia bertambah sukar jika cuaca hujan dan berkabus, pendaki juga boleh menyusuri laluan kanopi sepanjang 420 meter yang menjadi sebahagian trek boleh dilalui mereka," katanya.


FOTO | IHSAN ROSA TAIP, SARAWAK TOURISM BOARD DAN MULUPARK.COM



AIR Terjun Tiga Beradik versi 'Sarawak tidak kalah cantik?'



LALUAN trek Puncak Mulu juga mencabar.



ROSA bergambar dengan pemandangan hutan di Ulu Baram.

Selain Puncak Mulu, kata Rosa, peminat aktiviti lasak juga boleh mengunjungi pedalaman Ulu Baram.

"Keindahan Ulu Baram ialah kerana kawasan pedalaman ini masih tidak terusik dengan kemajuan pemandangan di luar.

"Ia bukan terlalu mencabar untuk pendaki, tetapi perjalanan yang jauh cukup berbaloi bagi menyaksikan pemandangan air terjun cukup indah.

"Malah jika mereka mahu mengenali masyarakat asal Sarawak seperti Kenyah dan Penan, berada di Ulu Baram adalah pengalaman sebenar.

"Contohnya hidangan ikan eksotik yang cukup mahal di Sarawak iaitu ikan empura mencecah sekitar RM500 hingga RM600 seekor boleh dinikmati dengan lebih murah di desa pedalaman terbabit.

"Difahamkan ikan itu hanya boleh hidup di jeram di Ulu Baram kerana air sungai tidak tercemar selain jeram air yang sangat merbahaya untuk menangkapnya," katanya.

Tarikan utama tentu sahaja Air Terjun Tekiuit atau juga dikenali Air Terjun Selan membuatkan Rosa teruja menjelajah ke Ulu Baram.

"Memang pemandangan air terjun 'paling mahal' dan itu membuatkan saya serta rakan sanggup menempuh perjalanan panjang untuk sampai ke Ulu Baram.

"Selain mahu pengalaman melalui trek untuk latihan pendakian, air terjun satu lagi sebab saya mengunjungi kawasan pedalaman itu.

"Satu lagi 'port' wajib yang saya sarankan rakan dari luar Sarawak untuk kunjungi ialah Three Sister Keluan Waterfalls atau Air Terjun Tiga Beradik juga di Ulu Baram atau lebih tepat di Long San.

"Pemandangan mata saya cukup menyegarkan apabila melihat air terjun dan panorama hijau. Lebih dramatik lagi apabila ada kabus dan cahaya matahari menjadi latar kepada panorama itu," katanya.

Rosa berkata, selain menggunakan pesawat ringan, mereka yang mahu sampai ke kawasan pedalaman di Ulu Baram juga boleh menggunakan jalan 'off road' dengan pacuan empat roda dari bandar Miri. Tempoh perjalanan bakal dilalui kira-kira enam jam untuk sampai ke lokasi.